


Oleh Presiden Dieter F. Uchtdorf  
Penasihat Kedua dalam Presidensi Utama



# Mencari Kristus pada Musim Krismas

**K**epada semua yang ingin memahami siapakah kami sebagai ahli-ahli Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir, saya ingin mencadangkan punca permulaan yang dihuraikan dengan tiga perkataan ini: Kami mencari Kristus.

Kami berusaha untuk belajar tentang Dia. Untuk mengikuti Dia. Untuk menjadi lebih seperti Dia.

Sepanjang tahun, kita mencari-Nya setiap hari. Tetapi pada masa tahun ini—Musim Krismas terutamanya, apabila kita merayakan kelahiran Juruselamat yang terkasih—hati kita semakin dekat kepada-Nya.

Sebagai sebahagian persediaan untuk merayakan musim Krismas, marilah kita mempertimbangkan bagaimana mereka yang hidup dua abad lalu bersedia untuk menyambut ketibaan Juruselamat.

## Para Gembala

Kita tidak tahu banyak tentang para gembala, hanya bahawa mereka “menjaga domba di padang pada malam.”<sup>1</sup> Para gembala lebih berkemungkinan orang yang agak biasa, seperti ramai orang patut dipuji yang hidup dari sehari ke sehari mendapatkan rezeki.

Mereka boleh mewakili orang yang, pada suatu masa, mungkin tidak mencari Kristus secara aktif, tetapi hati mereka berubah apabila syurga terbuka dan Kristus diisytiharkan kepada mereka.

Orang ini ialah mereka yang, selepas mendengar suara utusan-utusan syurgawi, pergi ke Betlehem serta-merta dengan keinginan untuk nampak.<sup>2</sup>

## Ahli-Ahli Kaji Bintang

Ahli-Ahli Kaji Bintang ialah orang akademik yang telah mengkaji ketibaan Mesias, Putera Tuhan. Melalui pelajaran, mereka mengenal pasti tanda-tanda yang menunjukkan kepada kelahiran-Nya. Ketika mereka mengenal pasti tanda-tanda tersebut, mereka meninggalkan rumah dan berjalan ke Yerusalem, bertanya, “Di manakah anak yang baru lahir itu, yang akan menjadi raja orang Yahudi?”<sup>3</sup>

Pengetahuan mereka tentang Kristus bukan hanya akademik sahaja. Apabila mereka melihat tanda-tanda kelahiran-Nya, mereka bertindak. Mereka memulakan perjalanan untuk mencari Kristus.

Ahli-Ahli Kaji Bintang boleh mewakili mereka yang mencari Kristus melalui pembelajaran dan pengkajian akademik. Kebaktian mereka kepada kebenaran akhirnya memimpin mereka untuk mencari Kristus dan menyembahkan Dia sebagai Raja yang Terutama, Juruselamat manusia.<sup>4</sup>

## Simeon dan Hana

Simeon dan Hana boleh mewakili mereka yang mencari Kristus melalui Roh. Jiwa-jiwa ini yang menakjubkan sangat beriman dan, melalui puasa dan doa dan menjalankan

hidup kebaktian dan kepatuhan, menunggu dengan semangat untuk melihat hari kedatangan Putera Tuhan.

Melalui kesetiaan, kerendahan hati, dan iman, mereka menunggu dengan sabar kedatangan Juruselamat.

Akhirnya, kesetiaan mereka diganjar semasa Maria dan Yusuf membawa kepada mereka bayi yang akan suatu hari nanti mengambil ke atas diri-Nya dosa-dosa manusia.<sup>5</sup>

### **Orang Yang Percaya di antara Bangsa Nefi dan Bangsa Laman**

Cerita yang mengharukan tentang bagaimana orang yang percaya dalam Dunia Baru mencari tanda-tanda kelahiran Juruselamat terdapatlah dalam Kitab Mormon.

Anda mengingati bahawa mereka yang beriman kepada Kristus diejek dan dianiaya. Orang yang canggih dari masa itu menuduh bahawa orang yang percaya masih berpegang kepada kepercayaan karut yang bodoh. Sebenarnya, orang yang tidak percaya sangat lantang bersuara dalam cemuan mereka hingga membuat “suatu kekecohan yang besar” di seluruh negeri itu (3 Nefi 1:7). Mereka mencemuh mereka yang percaya Juruselamat akan dilahirkan.

Kemarahan mereka berkembang begitu besar sehingga mereka mempunyai obsesi dengan mendiamkan mereka yang percaya kepada Juruselamat. Kitab Mormon mencatatkan kesimpulan yang dramatik.<sup>6</sup>

Orang percaya yang hidup pada masa ini boleh mewakili mereka yang mencari Kristus walaupun orang lain ketawa, mengejek, dan mencemuh. Mereka mencari Kristus walaupun orang lain cuba memberi gambaran yang salah tentang mereka sebagai orang tidak berbudi halus, tidak canggih, atau mudah ditipu.

Tetapi kebencian orang lain tidak men menghalang orang percaya yang sejati daripada mencari Kristus.

### **Kita Mencari Kristus**

Sepanjang tahun, dan mungkin terutamanya pada musim Krismas ini, kita akan mendapatkan manfaat jika menanya soalan ini sekali lagi “Bagaimana saya mencari Kristus?”

Sewaktu tempoh masa kehidupan dia yang susah, Raja Daud yang agung menulis, “Ya Tuhan, Engkaulah Tuhan-ku, aku rindu akan Engkau. Seperti tanah tandus haus akan air, begitulah aku haus akan Engkau.”<sup>7</sup>

Mungkin sikap ini untuk mencari Tuhan ialah satu-satunya sebab Daud digambarkan sebagai seorang lelaki yang menyenangkan hati Tuhan.<sup>8</sup>

Semasa musim Krismas dan sepanjang tahun ini, marilah kita dengan hati dan jiwa mencari Juruselamat kita yang terkasih, Putera Kedamaian, Yang Kudus dari Israel. Untuk keinginan ini, kebanyakannya, mentakrifkan bukan siapa kita sebagai ahli-ahli Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir sahaja tetapi lebih banyak tentang siapa kita sebagai pengikut Kristus juga.

#### **NOTA**

1. Lukas 2:8.
2. Lihat Lukas 2:15.
3. Lihat Matius 2:1-2.
4. Lihat Matius 2:11.
5. Lihat Lukas 2:22-38.
6. Lihat 3 Nefi 1.
7. Mazmur 63:1.
8. Lihat Kisah Rasul-Rasul 13:22.

---

### **MENGAJAR DARI PESANAN INI**

Bagaimana kita boleh mencari Kristus dengan lebih baik, seperti Presiden Uchtdorf mencadangkan? Anda mungkin menggalakkan mereka yang anda ajar untuk bertanya diri mereka, “Bagaimana saya mencari Kristus?” Pertimbangkan untuk menjemput mereka agar mula berkongsi bagaimana mereka mencari Kristus semasa pengkajian tulisan suci harian bersama keluarga. Anda juga boleh menonton video Krismas Mormon.org dengan mereka yang anda ajar dan menjemput mereka untuk menyertai peluang tahunan ini untuk mencari Kristus dengan mengikuti ajaran-ajaran-Nya.

## **ANAK-ANAK**

### **Menunggu Yesus**

**R**amai orang mencari dan menunggu kelahiran Yesus. Kita sekarang mencari dan menunggu Dia datang semula! Kita boleh bersedia dengan belajar tentang Yesus dan mengikuti-Nya. Bagaimana anda mengikuti Yesus? Lukiskan satu bintang dan tuliskan idea-idea di dalamnya.



Iman Keluarga  
Pertolongan

# Sanggup Menanggung Beban Satu Sama Lain

*Kajilah pesanan ini dengan penuh doa dan cari ilham untuk ketahui apa untuk dikongsi. Bagaimanakah pemahaman tujuan Lembaga Pertolongan menyediakan puteri-puteri Tuhan untuk berkat-berkat kehidupan abadi?*

“Kita dikelilingi oleh mereka yang memerlukan perhatian kita, galakan kita, sokongan kita, ketenangan kita, kebaikan kita,” kata Presiden Thomas S. Monson. “Kita ialah tangan Tuhan di bumi, yang ditugaskan untuk melayan dan untuk mengangkat anak-anak-Nya. Dia bergantung kepada kita.”<sup>1</sup>

Presiden Henry B. Eyring, Penerima Pertama dalam Presidensi Utama, berkata: “Sebuah perubahan besar bermula dalam hati anda apabila memasuki Gereja. Anda membuat perjanjian, dan anda menerima sebuah perjanjian yang mula mengubah sifat anda. . . .

“ . . . Anda berjanji bahawa anda akan membantu Tuhan supaya beban [orang lain] menjadi ringan dan supaya mereka boleh dihiburkan. Anda diberikan kuasa untuk tolong meringankan beban itu apabila menerima kurnia Roh Kudus.”<sup>2</sup>

“Kita mahu menggunakan cahaya Injil untuk melihat orang lain seperti Juruselamat—dengan rasa kasihan,

harapan, dan kasih ihsan,” kata Jean B. Bingham, Presiden Umum Lembaga Pertolongan. “Hari akan datang apabila kita akan mempunyai pemahaman yang penuh mengenai hati orang lain dan akan bersyukur untuk belas kasihan yang dilanjutkan kepada kita—seperti kita melanjutkan fikiran dan kata-kata kasih ihsan kepada orang lain. . . .

“Tanggungjawab kita adalah untuk menyokong peningkatan dalam *setiap orang* apabila kita berusaha untuk menjadi lebih seperti Juruselamat kita.”<sup>3</sup>

Semasa kita menanggung beban satu sama lain dan mentaati perjanjian-perjanjian kita, kita membuka jalan bagi Yesus Kristus untuk menyembuh orang lain. Elder Jeffrey R. Holland dari Kuorum Dua Belas Rasul mengajar: “Dengan mempertimbangkan harga Penyaliban dan Korban Tebusan yang tidak dapat dibayangkan, saya berjanji kepada anda Dia tidak akan berpaling dari kita sekarang. Apabila

Dia berkata kepada orang miskin dalam roh, ‘Datang kepada-Ku,’ Dia maksud Dia mengetahui jalan keluar dan Dia mengetahui jalan ke syurga. Dia mengetahui itu kerana Dia telah melaluinya. Dia tahu jalan kerana *Dialah* jalan.”<sup>4</sup>

## ***Ayat-ayat Suci Tambahan***

Matius 25:40; Galatia 6:2; Mosia 2:17; 18:8–9

### **NOTA**

1. Thomas S. Monson, “Melayan Tuhan Dengan Kasih Sayang,” *Liahona*, Feb. 2014, 4.
2. Henry B. Eyring, “Sang Penghibur,” *Liahona*, Mei 2015, 18.
3. Jean B. Bingham, “Saya Akan Membawa Cahaya Injil ke dalam Rumah Saya,” *Liahona*, Nov. 2016, 6, 8.
4. Jeffrey R. Holland, “Broken Things to Mend,” *Liahona*, Mei 2006, 71.

### ***Pertimbangkanlah Ini***

Bagaimana menanggung beban orang lain dan mematuhi perjanjian-perjanjian kita membuka jalan bagi Yesus Kristus untuk menyembuh mereka yang berkeperluan?